

Harakah kritik Fadzil Noor berkongsi pentas dengan PM

UM 25 MAY 2002

KUALA LUMPUR 24 Mei — Akhbar rasmi Pas, *Harakah* telah mengkritik Presiden parti itu, Datuk Fadzil Noor kerana berkongsi pentas dengan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada forum mengenai Palestin baru-bru ini.

Penulis yang hanya menggunakan nama singkatan 'PKK', berpendapat pemimpin Pas tidak seharusnya menggadaikan prinsip mereka dan duduk bersama-sama pemimpin UMNO yang tidak berkongsi kepercayaan yang sama.

Beliau merujuk kepada majlis forum yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) baru-baru ini yang diakhiri dengan majlis menandatangani pernyataan bersama oleh Dr. Mahathir dan Fadzil sebagai tanda sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin dan mengutuk keganasan tentera Israel.

"Forum ini adalah satu lafaz yang pura-pura me-

ngenai perpaduan," kata penulis tersebut dalam artikel bertajuk: *Adakah Kita Sebuah Negara Peniaga-Peniaga Kecil Yang Diketuai Oleh Sekumpulan Peniaga-Peniaga Kecil?*

Artikel berkenaan disiarkan dalam kolum *Comment*, edisi Inggeris akhbar terbabit bertarikh 1 hingga 15 Jun 2002, yang lebih ditujukan kepada pembaca bukan Melayu dan bukan Islam.

Ini adalah kali pertama Harakah menyiarkan artikel yang mengkritik Presiden Pas.

Pada Februari lalu, rencana pengarang edisi Inggeris akhbar terbabit telah mengkritik ulama yang menganggap mereka sebagai mewakili nabi dan tidak boleh ditegur.

Penulis tersebut menyifatkan forum yang pada asalnya bertujuan menunjukkan ikatan persaudaraan dengan rakyat Palestin, telah bertukar menjadi pertunjukan perpaduan Melayu secara simbolik.

"Saya tidak pernah melihat pemandangan yang lebih menyedihkan melainkan apabila dua pemimpin daripada kem berlawanan berkongsi pentas yang sama dan perbuatan itu dilaungkan sebagai satu pencapaian besar ke arah perpaduan umat Islam," ujarnya.

Beliau menambah, Fadzil dan pemimpin Pas lain tidak seharusnya menunggu sehingga ke akhir forum untuk bergambar bersama-sama pemimpin UMNO sebagai 'rakan seperjuangan,' sebaliknya perlu mengambil tindakan meninggalkan majlis lebih awal.

"Ketika seorang memberikan pelajaran sejarah mengenai Palestin (merujuk kepada Fadzil), seorang lagi (Dr. Mahathir) melancarkan perang psikologi terhadap orang Islam bagi pihak (Presiden Amerika Syarikat), George W. Bush, yang akan ditemuinya beberapa hari lagi (selepas majlis itu).